

UCAPAN PERDANA MENTERI DI ATAS USUL
Y.B. TUN MUSTAPHA HUSSEIN MENGEMUKA-
KAN "AKTA PENGAKUAN FAEDAH-FAEDAH
KEWANGAN AHLI-AHLI PARLIMEN 1974" DI
DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR PADA 16HB
APRIL, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya dukacita tidak dapat menerima usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah dan mencadangkan supaya usul itu ditolak sebagai perkara dasar—as a matter of principle.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan yang mulia ini adalah badan perundangan yang tertinggi dan teragung di negara kita ini bahkan di mana-mana negara jua. Maka itu ahli-ahli Dewan ini yang telah dipilih oleh rakyat dan memikul kepercayaan rakyat sudah tentulah orang-orang yang mempunyai sifat-sifat kejujuran dan kemuliaan—in other words, persons of integrity and distinction. Dengan yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab mereka menjaga mertabat mereka sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga mertabat Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah menyentuh bahkan mempersoalkan sifat kejujuran dan kemuliaan ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Perkara ini telahpun ditimbulkan dalam Dewan Orang Ramai—House of Commons—di England oleh kerana beberapa hal yang berlaku dalam tahun-tahun di belakngan ini yang melibatkan ahli-ahli Parlimen termasuk Menteri-menteri juga. Barangkali pula Ahli Yang Berhormat itu mendapat inspirasi dan ilham dari kejadian-kejadian itu selain dari peristiwa Watergate di Amerika itu.

Tuan Yang Dipertua.

Pada hemat saya, keadaan di negara kita terutama kedudukan Ahli-ahli Dewan ini sangatlah berbeza dengan kedudukan Ahli-ahli Parlimen di Britain. Seperti yang kita maklum, di Britain anggota-anggota Parlimen mendapat gaji penuh dengan bayaran yang tinggi oleh kerana mereka boleh dikatakan bekerja penuh masa selama lapan bulan dalam setahun dan sidang-sidang mesyuarat berlarutan

hingga jauh malam. Di negara kita, anggota-anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri hanya diberi elaun yang ditetapkan kecuali Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang mendapat gaji penuh di samping elaun itu. Oleh yang demikian, tentulah tidak adil bagi kita kalau menurut kehendak Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah itu membukakan maklumat mengenai kepentingan peribadi ahli-ahli Dewan ini kepada orang ramai.

Berkenaan dengan Menteri-menteri dan Timbalan Menteri mereka adalah mempunyai peraturan yang tertentu. Mereka dikehendaki memberitahu Perdana Menteri dengan cara bertulis perusahaan-perusahaan atau interest yang mereka mempunyai sebelum menjadi Menteri. Pada masa menjadi Menteri mereka tidak dibenar menjalankan perniagaan atau perusahaan luar sebab mereka mendapat gaji penuh dan adalah dikehendaki menumpukan usaha dan tenaga kepada pekerjaan mereka pada setiap masa.

Seperti saya katakan tadi, mereka bukan mendapat gaji bahkan tidak dibayar secukupnya. Andaikata mereka dibayar gaji penuh seperti Menteri-menteri atau Timbalan Menteri, maka bolehlah mereka menumpukan penuh masa kepada tugas-tugas Parlimen dan mengelakkan dari pekerjaan untuk peribadi sendiri samada perniagaan atau secara professional.


Saya percaya amalan kita ini adalah adil dan wajar sekali dalam keadaan yang terdapat hari ini. Sekiranya ada hal-hal yang timbul untuk dibahaskan dalam Dewan ini yang melibatkan seseorang ahli, maka sepatutnyalah ahli itu menyatakan kepentingan dalam perkara itu. Dengan kata-kata lain, terpulanglah pada ahli-ahli semua mengikut amalan yang wajar dan saksama seperti yang lazim menurut prinsip demokrasi berparlimen.

Tuan Yang Dipertua.

Saya suka juga menegaskan di sini betapa mustahak dan pentingnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menjaga kedudukan dan mertabat mereka sebagai anggota Dewan yang mulia ini. Begitu juga adalah menjadi tanggungjawab Parti politik menjaga kedudukan dan mertabat ahli-ahli mereka. Sekiranya ada ahli-ahli yang menyalahgunakan kedudukan dan keistimewaan mereka, maka terpulanglah pada Parti politik yang berkenaan dan rakyat

mengambil tindakan yang sepatutnya terhadap ahli-ahli itu dan tidak memilih mereka lagi untuk mewakili mereka dalam Dewan ini.

Sayugia diingat dalam sistem demokrasi yang kita junjung tinggi ini pengawalan yang sebaik-baiknya dan secukupnya ialah rakyat sendiri. Mereka hendaklah menggunakan pertimbangan mereka dengan adil dan saksama dan hanya memilih sesiapa yang mereka benar-benar tahu orang yang jujur dan ikhlas hendak berkhidmat kepada rakyat serta mendapat kepercayaan mereka sepenuhnya. Tegasnya, kita hendaklah meletakkan kepercayaan kita kepada rakyat dan pengundi-pengundi kerana merekalah yang menentukan siapa yang layak untuk mewakili mereka dalam Dewan yang mulia ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein menerima surat perlantikan sebagai Penaung Persatuan Doktor-doktor Pergigian Malaysia di Majlis Makan Malam tahunannya yang Ke 31 di Lake Club, Kuala Lumpur pada 19hb April, 1974

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)